

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Bab 2 telah menerangkan mengenai kajian yang lepas dan teori berkenaan rantaian bekalan dan pengurusan logistik. Dalam bab ini, metodologi kajian untuk menerangkan bagaimana ianya dilakukan. Kajian ini dijalankan untuk menyiasat hubungan antara keberkesanan logistik dan *predictors* yang dinamakan proses permohonan, memenuhi keperluan, pengurusan inventori, pengurusan pelupusan dan pengurusan dokumen.

Dalam bab ini akan membincangkan mengenai jenis kajian, reka bentuk kajian, reka bentuk sampel dan prosuder, reka bentuk kajiselidik, pengumpulan data dan teknik analisa data.

3.2 REKABENTUK UJIAN

Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif akan digunakan pada peringkat awal dengan mengadakan temuduga dengan anggota-anggota tertentu dalam pasukan yang dipilih mengikut kesesuaian. Anggota yang dipilih untuk ditemuduga adalah mereka yang terlibat secara langsung dalam pengurusan logistik di pasukan. Temuduga ini bertujuan untuk

mendapatkan pandangan mereka mengenai pengurusan logistik di pasukan. Hasil menemuduga anggota, pengkaji dapat mengenalpasti sama ada wujud elemen-elemen pembolehubah tidak bersandar di dalam hipotesis pengurusan logistik di pasukan yang akan melihat tentang keberkesanan pengurusan tersebut di pasukan. Kaedah kuantitatif pula adalah digunakan untuk mendapatkan data dengan cara soal selidik ke atas sejumlah responden. Responden terdiri daripada anggota-anggota yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengurusan logistik di pasukan. Soalan kaji selidik dibentuk adalah untuk meneroka faktor yang mempengaruhi iaitu proses permohonan, memenuhi keperluan, pengurusan inventori, pengurusan pelupusan dan pengurusan dokumentasi bagi menentukan hubungannya dengan keberkesanan pengurusan logistik di pasukan. Soalan-soalan tersebut akan diuji terlebih dahulu ke atas sebilangan responden bagi menentukan kesahihannya dan kebolehpercayaan alat ukuran tersebut. Bagi menentukan kesahan instrumen yang diambil melalui literatur sama ada ia boleh mewakili konstruk yang dikaji maka kesahan dilakukan secara Kesahan Isi Kandungan (Content Validity). Kaedah ini dipilih bagi menentukan item-item dalam instrumen tersebut mewakili semua aspek yang diuji. Berdasarkan pembolehubah yang diperolehi melalui literatur, maka dibina item yang bersesuaian dan relevan dengan tujuan kajian iaitu proses permohonan, memenuhi keperluan, pengurusan inventori, pengurusan pelupusan dan pengurusan dokumentasi bagi menentukan hubungannya dengan

keberkesanan pengurusan logistik di pasukan. Hasil dari ujian tersebut 53 item termasuk 5 soalan profil responden akan digunakan dalam soal selidik yang akan dibentuk secara Skala Likert. Setelah 53 item dibentuk, maka pra ujian dilakukan ke atas 30 sampel ujian daripada pasukan. Sampel yang dipilih adalah diambil dari berbagai bidang tugas di pasukan. Persampelan secara ujian perintis (pilot test) adalah bertujuan untuk memastikan item-item yang dibentuk difahami dan tidak mengelirukan apabila proses pengambilan data nanti. Apabila dilakukan pra ujian, didapati tiada masalah dengan item-item berkenaan maka dilakukan data sebenar dan seterusnya dilaksanakan ujian ke atas responden keseluruhannya. Ujian kepercayaan dilakukan bagi menentukan skor-skor instrumen yang dipilih tersebut adalah konsisten dan stabil. Kaedah digunakan bagi menguji kebolehpercayaan instrumen adalah dengan menggunakan pekali Cronbach Alpha di mana melibatkan 48 item yang mewakili enam pembolehubah. Hasil penemuan kajian diharapkan dapat dijadikan garis panduan untuk pembangunan, rancangan dan polisi logistik di pasukan.

3.3 KAEDAH PERSAMPELAN

Sampel dalam kajian ini adalah tertumpu kepada 530 anggota pasukan infantri yang terdiri daripada pegawai dan anggota LLP, ini merupakan kekuatan penuh batalion tersebut. Sekaran (2003) mencadangkan iaitu bilangan 226 saiz

sampel sudah mencukupi untuk mewakili populasi 550 orang. Anggota yang dipilih tidak termasuk 30 sampel ujian yang dijadikan pra ujian. Anggota yang dipilih adalah terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengurusan logistik di pasukan tersebut. Mereka dipilih secara rawak iaitu anggota dipilih mewakili semua peringkat pangkat dan setiap jabatan dalam batalion untuk mendapatkan persepsi anggota mengenai keberkesanan pengurusan logistik di pasukan. Melalui model ini dijangkakan dapat merumuskan kesan yang bakal dihadapi oleh pasukan mengenai keberkesanan pengurusan logistik.

3.4 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kajian ini adalah untuk mencari faktor berkenaan keberkesanan pelaksanaan pengurusan logistik di pasukan dengan menggunakan soal selidik sebagai alat pengumpul data. Dengan pengumpulan data ini, kelebihan kepada pengkaji adalah dapat benar-benar mengenalpasti responden yang sesuai untuk kajian.

Prosuder Soal selidik. Segala soal selidik akan dibuatkan ke atas responden-responden daripada kalangan anggota tentera di pasukan infantri mengikut pangkat. Soal selidik yang dimajukan kepada responden akan diterangkan setiap item yang perlu dijawab oleh mereka. Responden telah dikumpulkan di

dalam dewan di batalion tersebut dan diberikan masa untuk menjawab soal selidik tanpa adanya perbincangan antara mereka.

Seksyen A. Profil Demografi Responden. Bahagian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat responden. Perkara-perkara yang terkandung dalam butiran tersebut ialah pangkat, jawatan, lama perkhidmatan, umur, status perkahwinan, jantina, bidang pekerjaan.

Seksyen B. Proses Permohonan. Bahagian ini mengandungi 8 soalan mengenai proses permohonan yang bertujuan untuk menilai terhadap keberkesanan pengurusan logistik. Ianya dibentuk untuk melihat sejauh mana proses permohonan dibuat berdasarkan kepada prosuder yang sediaada. Permohonan yang dibuat juga adakah mengikut perancangan dan keperluan pasukan. Penilaian juga untuk melihat tindakan yang telah dibuat oleh pasukan.

Seksyen C. Memenuhi keperluan. Bahagian ini mengandungi 6 soalan berkenaan dengan memenuhi keperluan peralatan pasukan. Penilaian adalah untuk melihat sejauh mana kelengkapan yang dipegang oleh pasukan mengikut skala. Kelengkapan yang dipegang oleh pasukan mampu untuk melaksanakan sebarang tugas yang akan diarahkan. Bahagian ini juga hendak melihat sejauh mana pasukan mengambil tindakan terhadap skala pegangan di pasukan.

Seksyen D. Pengurusan Inventori. Bahagian ini mengandungi 10 soalan mengenai pengurusan inventori. Pengurusan inventori disini akan melihat dan menilai mengenai pengurusan yang melibatkan dokumentasi dan pengendalian stor inventori di pasukan. Semakan dan pengiraan dibuat terhadap peralatan juga diambilkira bagi mengenalpasti keberkesanan pengurusan logistik.

Seksyen E. Proses Pelupusan. Bahagian ini mengandungi 6 soalan mengenai proses pelupusan yang dilaksanakan di pasukan. Proses pelupusan untuk melihat rancangan yang telah dibuat di pasukan. Sejauh mana keperluan untuk membuat proses pelupusan mendapat kelulusan pihak atasan. Begitu juga dengan peralatan yang dilupuskan adakah mendapat gantian sepertimana yang dilupuskan. Rekod-rekod juga akan dinilai untuk mengenalpasti keberkesanan proses pelupusan.

Seksyen F. Proses Dokumentasi. Bahagian ini mengandungi 8 soalan mengenai proses dokumentasi. Proses ini akan melihat kecekapan dan anggota yang melaksanakan tugas dokumentasi. Proses ini mempunyai kesinambungan dengan pengurusan yang lain bagi menjurus keberkesanan pengurusan logistik di pasukan. Anggota akan dilihat benar-benar memahami polisi dan arahan sedia ada di pasukan. Polisi dan arahan yang ada boleh digunapakai dan selari dengan kehendak pengurusan yang menguruskan proses pengurusan logistik.

Seksyen G. Kebekesanan Pengurusan Logistik. Bahagian ini mengandungi 10 soalan untuk menilai keberkesanan pengurusan logistik. Bahagian ini untuk menilai pandangan anggota mengenai keberkesanan logistik di pasukan. Pembentukan dan penilaian adalah berdasarkan kepada komitmen dan perkhidmatan logistik di pasukan.

Cara Pemarkahan. Kaji selidik ini menggunakan Skala Likert untuk mengukur 'self-efficacy' menggunakan pengukuran, dimana 1 mewakili "Amat Tidak Setuju", 2 "Tidak Setuju", 3 "Setuju" and 4 "Amat Setuju".

3.5 TEKNIK ANALISA DATA

Untuk kajian ini, data analisa menggunakan "Statistical Package for Social Science" SPSS versi 16.0 software. Teknik analisa data mengandungi diskriptif dan analisa *inferential*. Analisa diskriptif mencakupi analisa terhadap frekuensi maklumbalas responden dan interaksi hubungan antara *independent* dan *dependent variable* dalam kajian; dimana, analisa *inferential* termasuk *t-test*, ANOVA, *Pearson Correlation* dan *multiple regression*. Analisa *t-test* dan ANOVA adalah untuk melihat sejauh mana faktor demografi mempengaruhi *dependent variable*. Analisa *Pearson Correlation* untuk melihat hubungkait *independent variable* dengan *dependent variable* manakala analisa *multiple*

regression untuk melihat faktor mana yang amat mempengaruhi keberkesanan logistik di pasukan.

3.6 KESIMPULAN

Di dalam bab ini pengkaji telah menerangkan bagaimana sesuatu proses kajian yang hendak dibangunkan. Dalam bab ini juga diterangkan bagaimana sesuatu responden itu dipilih dan instrumen yang digunakan sebagai alat pengukuran bagi menilai keberkesanan pengurusan logistik di pasukan. Terdapat lima hipotesis yang dapat dihasilkan dalam bab ini dengan berpandukan kepada beberapa pemboleh ubah tetap dan bebas.